

**Struktur Sistem Pengurusan Krisis/Ancaman Ketenteraman Awam
Oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN): Kajian Kes Rusuhan Kaum
13 Mei 1969, Peristiwa Kampung Medan 2001 dan Isu Kuil Sri Maha
Mariamman 2018**

*The Management System Structure of Public Order Crisis/Threats by
National Security Council (NSC): A Case Study of May 13, 1969 Racial
Riots, 2001 Kampung Medan Incident and 2018 Sri Maha Mariamman
Temple Issue*

SITI SABRINA IMJI RAHIM*, MOHD IKBAL MOHD HUDA & RAVICHANDRAN MOORTHY

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author: teenasabrina@gmail.com

Received: 02 August 2023

Accepted: 04 December 2023

Abstrak

Krisis/Ancaman ketenteraman awam telah mendapat perhatian kerajaan Malaysia apabila ianya telah menyebabkan kecederaan dan kehilangan nyawa rakyat serta kerosakan harta benda, sehingga merugikan negara dan menjejaskan ekonomi. Majlis Keselamatan Negara (MKN) merupakan agensi penyelarasan utama yang bertanggungjawab menangani krisis/ancaman ketenteraman awam ini. Kajian dilaksanakan untuk menilai keberkesanan penglibatan MKN dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku di Malaysia. Analisis juga akan menilai tahap koordinasi MKN dengan agensi-agensi keselamatan yang lain dan keberkesanan penyelarasan MKN Pusat dengan MKN Negeri dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam ini. Analisis tertumpu kepada tiga (3) insiden yang pernah menjadi sejarah hitam negara iaitu Rusuhan Kaum 13 Mei 1969, Peristiwa Kampung Medan 2001 dan Kuil Sri Maha Mariamman 2018. Kaedah kajian dilaksanakan melalui kaedah kualitatif dan analisis dengan merujuk kepada dokumen primer dan sekunder seperti laporan rasmi, jurnal akademik dan berita atas talian, serta pengaplikasian model kajian iaitu *Tripartite Model of National Security (3Ps Model / Model 3P)*. Hasil analisis mendapati bahawa penglibatan MKN adalah reaktif dalam memainkan peranannya menangani ketiga-tiga insiden ini. Koordinasi MKN dengan agensi-agensi keselamatan yang lain adalah aktif pada ketiga-tiga insiden ini jua, namun penyelarasan dengan MKN Negeri adalah separa berkesan disebabkan kurangnya penyelarasan daripada MKN Pusat. Oleh itu, MKN perlu sentiasa memastikan strategi dan pendekatan yang diambil adalah efektif bagi memastikan kedudukannya sebagai agensi penyelarasan utama keselamatan negara yang relevan, berkesan dan dipercayai.

Kata kunci: Krisis/Ancaman Ketenteraman Awam; Majlis Keselamatan Negara (MKN); Keberkesanan Penglibatan; Koordinasi Antara Agensi; Penyelarasan MKN Pusat dan MKN Negeri

Abstract

Public order crisis/threats has catches Malaysian government attention when it has caused injury and loss of people life, as well as damage to property, thereby harming the country and affecting the economy. National Security Council (NSC) is the main coordinating agency that responsible for

dealing with this public order crisis/threats. The study was carried out to analyze the effectiveness of NSC 's involvement in dealing with public order crises/threats in Malaysia. The analysis will also evaluate the level of NSC coordination with other security agencies and the alignment effectiveness between Central and State NSC in dealing with this public order crisis/threats. The analysis focused on three (3) incidents that became the country black history, namely May 13, 1969 Race Riots, 2001 Kampung Medan Incident and 2018 Sri Maha Mariamman Temple. The research method using qualitative and analytical with reference to primary and secondary documents such as official reports, academic journals and online news, besides the application of study models namely Tripartite Model of National Security (3Ps Model). The analysis results found that NSC 's involvement was reactive in playing its role in dealing with these three incidents. NSC coordination with other security agencies was active in all three incidents, but coordination with the State NSC was partially effective due to the lack of coordination from the Central NSC. Therefore, NSC needs to remain ensure that the strategies and approaches taken are effective in order to maintain its position as the main coordinating agency for national security that is relevant, effective and reliable.

Keywords: Public Order Crisis/Threats; National Security Council (NSC); Involvements Effectiveness; Inter-Agency Coordination; Central and State NSC Allignment

Pengenalan

Artikel ini akan menganalisis keberkesanan penglibatan MKN dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam di Malaysia serta menilai tahap keberkesanan koordinasi MKN dengan agensi-agensi keselamatan yang lain dan penyelarasan antara MKN Pusat dengan Negeri.

Justeru, artikel ini dimulakan dengan menerangkan mengenai insiden krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku di negara luar terlebih dahulu dan kemudian perbandingan dengan Malaysia. Seterusnya analisis akan menfokuskan kepada krisis/ancaman yang menjadi sejarah hitam di Malaysia seperti isu perbalahan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 serta insiden Kampung Medan 2001 dan Kuil Sri Maha Mariamman 2018. Krisis/ancaman ketenteraman awam ini tidak boleh dipandang ringan kerana ianya melibatkan pertumpahan darah, kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda. Krisis/ancaman ketenteraman awam ditakrifkan sebagai kejadian-kejadian melibatkan:¹

- i. Kejadian rusuhan kaum atau agama;
- ii. Kejadian pergeseran politik yang berpunca dari perbezaan ideologi, fahaman dan matlamat-matlamat parti-parti politik;
- iii. Kejadian demonstrasi oleh kumpulan-kumpulan berkepentingan menentang pihak berkuasa;
- iv. Kejadian pertikaian perusahaan yang dicetuskan oleh kesatuan-kesatuan;
- v. Kejadian ketidaktentuan serta keresahan masyarakat yang berpunca daripada isu-isu ekonomi;
- vi. Kejadian ketegangan hubungan kaum yang berpunca daripada isu-isu;
- vii. Kejadian-kejadian penyebaran khabar angin, berita palsu melalui multimedia seperti internet, telefon, poster, tabloid dan risalah; atau
- viii. Kejadian-kejadian lain.

Krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku kebanyakannya telah mewujudkan rusuhan yang mencemarkan kestabilan kesepaduan kaum berbilang etnik dan mencemarkan nama baik negara. Disebabkan itu, kebanyakan negara meletakkan krisis/ancaman ketenteraman awam

sebagai salah satu keutamaan yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Oleh itu, institusi yang dipertanggungjawab untuk menanganinya perlu memastikan krisis/ancaman ini dapat diuruskan dengan baik.

Perspektif Negara Luar Terhadap Krisis/Ancaman Ketenteraman Awam

Merujuk kepada perspektif negara luar, krisis/ancaman ketenteraman awam di negara China telah mengganggu kestabilan politik, sosial dan ekonomi negaranya. Bentuk kejadian krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku di China adalah seperti demonstrasi yang berpunca daripada jurang antara wilayah dan pedalaman, kenaikan harga barangan, ketidakpuasan hati kaum minoriti, isu pengangguran, banjiriran pekerja asing dan rasuah.²

Di Nigeria, krisis/ancaman ketenteraman awam berpunca daripada persengketaan awam, aktiviti jenayah (rompakan bersenjata, penyeludupan dadah dan manusia, penculikan ekspatriat dan warga Nigeria yang kaya untuk wang tebusan dan serangan kumpulan militan berasaskan etnik), persaingan sumber, anggota keselamatan yang terlibat dengan rasuah yang tinggi (pengalihan dana ke poket persendirian) dan kapasiti negeri yang semakin berkurangan. Oleh itu, Nigeria telah melaksanakan pendekatan pengurusan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri berasaskan kepada ketenteraan dan bukan ketenteraan di mana ianya menunjukkan hasil yang sangat berkesan.³

Di Australia, sukan bola sepak telah dicirikan sebagai krisis/ancaman ketenteraman awam apabila berlaku insiden keganasan daripada penonton yang datang menyaksikannya serta perbalahan dengan pihak lawan daripada negara lain sehingga menjejaskan keselamatan awam. Ianya berlaku dalam bentuk serangan secara terang-terangan dan aktiviti mengancam melibatkan senjata seperti membalung botol di kawasan sekitar. Ianya ditangani oleh pasukan polis Australia.⁴

Di Amerika Syarikat (AS) sejak akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 lagi, krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku adalah dalam bentuk perhimpunan disebabkan rakyat diberikan hak kebebasan untuk berhimpun. Ianya ditangani oleh pasukan polis dan terbukti berkesan dalam mengawal perhimpunan dan menjaga ketenteraman awam.⁵ Perhimpunan yang berlaku di AS biasanya adalah dalam bentuk bantahan yang berpunca daripada kepentingan elit politik, kewangan dan ancaman terhadap pemeliharaan ketenteraman awam. Interaksi antara penunjuk perasaan dan polis di AS adalah rumit dan kompleks kerana melibatkan pelbagai jenis himpunan dan kumpulan yang membantah, hingga mewujudkan kesukaran menguruskan orang ramai dan memerlukan tindak balas polis yang lebih agresif.⁶ Oleh itu, negara seperti Kanada telah menangani krisis/ancaman ketenteraman awam melalui rangka kerja berasaskan komuniti dengan peningkatan institusi pelbagai agensi serta pewujudan pendamai dan perunding.⁷

Di Perancis, krisis/ancaman ketenteraman awam adalah berkaitan dengan kontroversi mengenai perlembagaan yang bertentangan dengan kebebasan, khususnya berkaitan agama.⁸ Di Mesir, krisis/ancaman ketenteraman awam juga berkaitan dengan agama dan kepercayaan, namun turut disebabkan oleh masalah politik.⁹ Di Haiti, Amerika Utara, krisis/ancaman ketenteraman awam melibatkan keganasan dan pembunuhan. Ianya ditangani melalui pembaharuan sektor keselamatan (SSR), yang melibatkan peranan aktor bukan negara sejak pertengahan 1990-an dan pembangunan polis negara dengan campurtangan antarabangsa menjelang tahun 2006-2009. Namun, selepas gempa bumi 2010 dan pertukaran pemimpin, pendekatan penglibatan peranan aktor bukan negara kebanyakannya ditinggalkan, yang menyebabkan Haiti mencatatkan tahap pembunuhan yang tertinggi pada tahun 2014 berbanding lapan tahun sebelumnya.¹⁰

Dapat dilihat bahawa krisis/ancaman ketenteraman awam telah mewujudkan ketidakstabilan ke atas keselamatan, ekonomi, sosial dan politik di negara luar. Kejadian krisis/ancaman ketenteraman awam di negara luar didapati berlaku dalam bentuk tindakan keganasan, aktiviti jenayah, perhimpunan

awam dan demonstrasi, sentimen keagamaan, perselisihan pemahaman atas perbezaan pandangan, kedudukan, budaya dan etnik, ketidaksamarataan dalam ekonomi, dasar kerajaan yang tidak mengambilkira penglibatan semua pihak, kelemahan dalam dasar yang digubal dan lain-lain.

Bagi menanganinya, negara luar telah mengambil pendekatan melalui kawalan dan penguatkuasaan oleh pasukan polis, tentera serta penglibatan masyarakat. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang dihadapi seperti masalah komunikasi di antara pihak polis dengan masyarakat sehingga mewujudkan masalah dalam perundingan yang dilaksanakan.

Perspektif Malaysia Terhadap Krisis/Ancaman Ketenteraman Awam (tiga kajian kes dalam tempoh tahun 1969 - 2020)

Merujuk kepada statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang memetik sumber daripada PDRM, jenayah yang mengganggu ketenteraman awam di Malaysia bagi tahun 2016 sehingga 2020 adalah melibatkan jenayah indeks, yang dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenis kesalahan di bawah jenayah kekerasan adalah seperti bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api dan mencederakan. Bagi jenis kesalahan di bawah jenayah harta benda pula adalah merangkumi curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera berat, curi ragut dan pecah rumah.¹¹ Jenayah indeks lain adalah seperti cabul kehormatan, merusuh dan pemerasan.¹² Statistik perlakuan jenayah-jenayah ini adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1: Jenayah Indeks, Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda yang berlaku di Malaysia bagi tahun 2016 sehingga 2020						
Jenis Jenayah	Tahun	2016	2017	2018	2019	2020
Jenayah Kekerasan		22,327	21,360	16,902	16,489	13,279
Jenayah Harta Benda		90,028	77,802	71,760	66,967	52,344
Jumlah (Jenayah Indeks)		112,355	99,162	88,662	83,456	65,623

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Merujuk kepada jadual 1 di atas, dapat dilihat bahawa krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku di Malaysia dalam lima tahun kebelakang menunjukkan angka penurunan setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa kerajaan berjaya mengawal krisis/ancaman ini. Statistik yang ditunjukkan termasuklah ancaman ketenteraman awam dalam bentuk rusuhan yang akan dikupas lebih lanjut dalam artikel ini.

MKN terbentuk berakar umbi dari rusuhan kaum yang menjejaskan ketenteraman awam, di mana ketika itu MKN ditubuhkan sebagai MAGERAN pada tahun 1969 dan digantikan dengan MKN pada tahun 1971. Kewujudan MAGERAN telah menunjukkan kejayaan dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam. Kewujudan MKN juga adalah berpunca dari ancaman oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang mengganggu ketenteraman awam, sehingga Darurat diisytiharkan yang membawa kepada sekatan had pergerakan dan perintah berkurung. Namun, ianya berjaya ditangani melalui Perjanjian Damai Hatyai 1989. Selain itu, MKN Negeri juga berjaya menyelesaikan perhimpunan BERSIH melalui Arahan MKN No. 21 yang digerakkan oleh OCPD (Ketua Polis Daerah) Dang Wangi dan Brickfields serta berjaya meletakkan semula situasi ketenteraman awam di tempatnya.¹³

Dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam, MKN menyelaraskan berdasarkan Arahan MKN No. 21 iaitu Pengurusan dan Pengendalian Situasi Ancaman Ketenteraman Awam. Dalam Arahan tersebut, ada menggariskan mekanisme jawatankuasa (JK) di mana dibahagikan kepada dua JK iaitu JK Strategik dan JK Operasi. Sebagai contoh, sekiranya berlaku sesuatu insiden di peringkat daerah, ianya adalah di bawah tanggungjawab dan tindakan OCPD dari aspek operasi, manakala dalam aspek strategik pula, adalah di bawah Pegawai Daerah.¹⁴

Bagi memahami mengapa isu ketenteraman awam menjadi isu dan keutamaan negara, artikel ini akan menganalisis tiga (3) jenis krisis ketenteraman awam yang menjadi sejarah hitam di Malaysia:

(i) Rusuhan Kaum 13 Mei 1969

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan satu detik hitam yang bersejarah di Malaysia. Buat pertama kalinya selepas kemerdekaan dinikmati, konflik perkauman antara kaum Melayu dan bukan Melayu meletus sehingga ke tahap serang-menyerang dan bunuh-membunuh.¹⁵ Tragedi berdarah 13 Mei 1969 membawa kepada darurat yang diisytiharkan pada 16 Mei 1969. Perlembagaan Persekutuan telah digantung dan negara diperintah secara terus oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah undang-undang tentera.¹⁶

Peristiwa 13 Mei 1969 tercetus berikutan keputusan Pilihanraya Umum pada 10 Mei 1969 dan kempen pilihan raya yang dilakukan oleh parti politik yang bertanding dengan mengutarakan isu-isu sensitif seperti isu perkauman dan kemiskinan, sehingga berjaya membangkitkan emosi rakyat pelbagai kaum. Tragedi ini mengakibatkan ratusan nyawa terkorban serta kerosakan harta benda yang cukup dahsyat. Walau bagaimanapun, penubuhan MAGERAN dan beberapa langkah baru yang diambil seperti pengenalan kepada Rukun Negara, kurikulum Pendidikan dan Dasar Ekonomi Baru telah berjaya memulihkan keadaan. Dapat dilihat bahawa tragedi ini telah membawa kepada satu perubahan besar ke atas Malaysia khususnya dari aspek ekonomi, politik dan sosial.¹⁷

Merujuk kepada Laporan Majlis Keselamatan Negara pada 9 Oktober 1969, peristiwa 13 Mei 1969 juga berakar umbi dari peranan yang di mainkan oleh PKM dan kongsi-kongsi gelap Cina di samping beberapa faktor yang lain. Laporan ini meletakkan peristiwa 13 Mei ini sebagai satu krisis perkauman yang terbesar di negara ini, yang mengakibatkan kecederaan kepada 149 orang dan kematian 196 nyawa. Peristiwa ini juga ditangani oleh pihak polis, melalui rundingan dan nasihat kepada individu atau kumpulan yang memperalatkan politik atau agama untuk mencetuskan krisis hingga boleh menjejaskan keharmonian masyarakat serta keselamatan negara. Rundingan dan nasihat adalah berpandukan undang-undang tanpa menyalahgunakan kuasa untuk menyekat hak dan kebebasan politik serta keagamaan seseorang warganegara.¹⁸ Pihak polis juga dibantu oleh Tentera Darat Malaysia (TDM), di mana penglibatan aktif anggota-anggota keselamatan ini telah berjaya mengawal dan mententeramkan keadaan sehingga kehidupan kembali menjadi normal.¹⁹

(ii) Peristiwa Kampung Medan 2001

Selain krisis perbalahan kaum yang melibatkan bangsa Cina dan Melayu serta sedikit penglibatan India dalam tragedi 13 Mei 1969, perbalahan kaum juga berlaku di antara bangsa India dan Melayu dalam Peristiwa Kampung Medan. Setelah hampir 30 tahun, negara sekali lagi dikejutkan dengan kejadian konflik antara kaum yang berlaku di Kampung Medan pada tahun 2001.²⁰ Ianya berpunca daripada pergaduhan antara dua bangsa berkaitan dengan persediaan majlis perkahwinan dan upacara pengkebumian. Majlis perkahwinan diadakan di sebuah rumah orang Melayu dan berjiran dengan kaum India yang mengadakan upacara pengkebumian. Pada waktu tersebut, seorang lelaki berbangsa India dikatakan membawa motosikal dalam keadaan mabuk lalu terbabas merempuh tapak

perkahwinan Melayu. Perkara itu mendatangkan kemarahan orang Melayu dan akhirnya berlaku pergaduhan melibatkan kira-kira 200 orang.²¹

Tingkah laku yang melanggar nilai-nilai kepercayaan atau agama ini menyebabkan kemarahan dan pergaduhan kaum, seperti yang berlaku di Kampung Medan ini akibat pertembungan dua nilai budaya yang berbeza dalam tempoh masa yang sama perkahwinan dan kematian.²²

Dalam peristiwa Kampung Medan, sebanyak enam nyawa telah terkorban, lebih 40 orang tercedera (termasuk empat yang parah), dan 190 orang ditahan dan didakwa atas kesalahan-kesalahan memiliki senjata, merusuh, menyerang dan menyebabkan kecederaan serius. Di samping senjata-senjata berbahaya yang telah dirampas, termasuk bom buatan sendiri, parang, pisau, pedang samurai, kayu lastik, rantai, paip besi, cota dan kapak, polis juga mencatatkan dua buah motosikal dan sebuah lori dibakar manakala 13 buah kenderaan (sembilan buah kereta, dua buah van, sebuah bas dan sebuah motosikal) juga telah dirosakkan. Sebanyak 692 anggota Polis Simpanan Persekutuan (FRU), Rela dan pasukan bantuan kecemasan Persatuan St. John telah ditempatkan di kawasan terlibat bagi mengawal keadaan, dan pasukan khas juga disediakan bagi mengiringi mereka yang berulang-alik untuk bekerja atau menghantar anak ke sekolah. Selain itu, dua buah helikopter PDRM dihantar untuk memberi khidmatnya bagi membantu mengawal dan memantau keadaan sekitar kampung-kampung terbabit.²³ Kerajaan meluluskan peruntukan khas sebanyak RM260,000 bagi membantu mangsa. Selain itu, bantuan RM10 juta diperuntukkan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur di sekitar Kampung Medan.²⁴

Dalam menangani insiden Kampung Medan, MKN Selangor telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah (JKKD), yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Selangor. Selain itu, MKN Selangor juga menganjurkan jamuan petang dan memanggil kaum India dan Melayu bagi merapatkan hubungan kedua-dua kaum. MKN Selangor turut mengaktifkan Bilik Gerakan Negeri, yang dipantau oleh JKKD. MKN Selangor juga menyelaras sekatan jalan raya bagi mengawal orang keluar masuk. Seminggu selepas insiden Kampung Medan tersebut, MKN Selangor telah mengambil beberapa orang Melayu dan India dan membawa mereka menggunakan dua buah bas untuk menghadiri latihan dan kursus. Latihan dan Kursus yang diadakan ini adalah bagi memberikan semangat kepada kedua-dua kaum dan dalam masa yang sama dapat mententeramkan keadaan rusuhan. Gambar mangsa-mangsa akibat rusuhan tersebut juga dipaparkan untuk memberikan kesedaran. Namun terdapat cabaran dalam inisiatif MKN Selangor apabila terdapat campurtangan politik. Sebagai contoh, apabila Presiden Kongres India Malaysia ke-7 iaitu S. Samy Vellu, yang pada ketika itu turut memegang jawatan Menteri Kerja Raya Malaysia, datang ke lokasi dan mengeruhkan lagi keadaan serta mewujudkan kembali rusuhan.²⁵

Selain itu, Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (*Hindu Rights Action Force* - HINDRAF) mendakwa kerajaan Malaysia mengabaikan sosio-ekonomi masyarakat India. Dengan menggunakan sentimen agama dan perkauman, HINDRAF mendakwa kaum India dan agama Hindu ditindas oleh kerajaan Malaysia yang dipimpin UMNO dan mendakwa berlaku genosid (penghapusan etnik) dengan memberi contoh lebih 100 orang India yang dibunuh semasa peristiwa Kampung Medan. Propaganda mereka disebarkan melalui majlis forum, pengedaran buku dan risalah dalam bahasa tamil, serta penggunaan laman web dan SMS bagi mendapatkan sokongan moral dan material daripada kaum India.²⁶

Pergaduhan di Kampung Medan juga berakar umbi dari perbezaan jurang kemiskinan antara kaum yang timbul sejak tahun 1980-an, walaupun kerajaan telah memberi tumpuan dalam aspek pembangunan desa dan projek mega di bandar selepas kemerdekaan. Jurang ekonomi inilah yang menyebabkan timbulnya rasa perbezaan setiap kaum yang ketinggalan dan mundur dari segi pembangunan, kemiskinan, peminggiran dan ketidaksamaraan.²⁷ Insiden Kampung Medan yang 'bermuka' etnik dan agama ini juga berpunca dari ketidakseimbangan sosial yang wujud dalam

masyarakat.²⁸ Namun, insiden perkauman di Malaysia masih lagi terkawal berbanding negara luar yang berlaku genosid seperti di Bosnia, Rwanda, Ambon dan Maluku di Indonesia.²⁹ Oleh itu, adalah penting untuk memupuk sifat persefahaman antara kaum bagi mengelakkan insiden seperti perbalahan kaum di Kampung Medan ini berulang.³⁰

(iii) Isu Kuil Sri Maha Mariamman 2018

Selain peristiwa Kampung Medan, satu lagi perbalahan kaum yang melibatkan bangsa India dan Melayu tercetus iaitu rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman pada 27 November 2018 di USJ 25, Subang Jaya, Selangor yang melibatkan isu pemindahan kuil.³¹

Pada 26 November 2018, telah berlaku pergaduhan di dalam kuil di antara kumpulan penganut agama Hindu dan kumpulan lelaki Melayu yang menceroboh kawasan kuil. Setelah tercetus pergaduhan, sebahagian daripada kumpulan lelaki Melayu telah melarikan diri dari kawasan kuil. Sejurus selepas itu, kumpulan penganut agama Hindu telah bertindak membakar beberapa buah kenderaan yang dipercayai milik kumpulan lelaki Melayu yang menceroboh kawasan kuil. Rusuhan ini menyebabkan sebanyak 3 orang lelaki Melayu dan 3 orang lelaki India telah tercedera. Seorang anggota polis turut mengalami kecederaan. Pada 27 November 2018, dianggarkan sejumlah 10,000 orang kaum India berkumpul di kawasan sekitar kuil. Selain merusuh, beberapa buah kenderaan turut dibakar oleh kumpulan ini. Kejadian ini telah meragut nyawa seorang anggota bomba iaitu Mohammad Adip bin Kassim yang telah dcederakan oleh sekumpulan individu yang tidak dikenali.³²

Tragedi kematian Mohammad Adip telah membawa kepada penubuhan jawatankuasa khas oleh Kabinet Malaysia yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Wan Junaidi Tuanku Jaafar, dan dipersetujui oleh Perdana Menteri Malaysia, Ismail Sabri Yaakob. Penubuhan jawatankuasa khas bagi memastikan siasatan menyeluruh, telus dan pembelaan sewajarnya terhadap kematian mangsa dan supaya kes mangsa dirungkai dengan penuh iltizam serta bertanggungjawab.³³

Bagi menangani rusuhan ini juga, sebanyak 1,400 anggota FRU dan polis trafik ditempatkan bagi mengawal Kuil Sri Maha Mariamman. PDRM menempatkan seramai 1,400 anggotanya di lokasi kejadian. MKN Negeri Selangor membincangkan langkah berhubung insiden yang berlaku di Kuil Sri Maha Mariamman. Dua orang Menteri iaitu Menteri di JPM, P. Waytha Moorthy dan Menteri Sumber Manusia, M Kula Segaran bertemu Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika itu bagi menyelesaikan isu tersebut.³⁴ Kerajaan tempatan menggesa campur tangan MKN dalam menangani isu berhubung insiden rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman.³⁵

MKN Selangor telah menubuhkan dua jawatankuasa di bawah MKN bagi menyelaraskan isu berkaitan kuil haram, yang dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Negeri Selangor. MKN Selangor turut mengadakan kursus dan latihan kesedaran untuk kaum India bagi menangani *gangsterism* di kalangan kaum India. Kursus dan latihan diadakan dalam dan luar Selangor.³⁶

Dr. Mahathir Mohamad menyatakan tidak timbul sama sekali isu perkauman mahupun isu agama berhubung rusuhan di kuil Sri Maha Mariamman, sebaliknya ia berkaitan pemindahan kuil. Beliau menyatakan polis diarahkan untuk mengambil tindakan lanjut kerana ia berkaitan jenayah selain menangani serta mengawal situasi berkenaan dengan segera.³⁷ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy menyatakan polis daerah Subang Jaya mengeluarkan kenyataan salah dengan mendakwa rusuhan berpunca daripada perselisihan faham antara dua kumpulan India mengenai perpindahan kuil. Menurutnya, kenyataan salah dan tidak bertanggungjawab itu menimbulkan ketegangan dalam kalangan masyarakat India, di tambah lagi dengan dakwaan kelewatan tindakan oleh polis dalam mengawal insiden berkenaan. Beliau mengutuk serangan ini dan meminta pihak bertanggungjawab dalam insiden ganas ini ditangkap serta dihukum. Ketua Polis Selangor, Mazlan

Mansor, dalam satu sidang media di Kajang, kemudian menegaskan bahawa insiden rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, tiada kaitan dengan masalah perkauman, sebaliknya perselisihan membabitkan isu perpindahan kuil.³⁸


Metodologi Kajian

Analisis dilaksanakan merujuk kepada perkaitan di antara pihak kerajaan, swasta dan orang awam dalam krisis/ancaman ketenteraman awam berdasarkan kepada model kajian iaitu *Tripartite Model of National Security (3Ps Model / Model 3P)*.

Model 3P merujuk kepada *Public Sector* (kerajaan), *Private* (swasta) dan *People* (orang awam), yang dibangunkan oleh penulis berdasarkan penulisan oleh sarjana June Park & Eunbin Chung³⁹, Mohd Azizul Hakim Bin Zaini⁴⁰ dan Uwem E. Ite⁴¹. Park & Chung⁴² menyatakan bahawa kerajaan di Korea Selatan telah melibatkan pihak swasta dalam membendung penularan Covid-19. Penglibatan tersebut adalah melalui kerjasama dalam pembentukan alat ujian (*test kits*) dan pemeriksaan kesihatan wabak Covid-19 di seluruh negara, termasuk kepada rakyat sendiri dan penduduk bukan warganegara. Pendekatan oleh kerajaan Korea Selatan ini telah membuktikan bahawa penularan wabak Covid-19 telah berjaya ditangani hanya dalam tempoh sebulan pada awal penularan.

Mohd Azizul⁴³ membuktikan bahawa maklumat dan makluman daripada orang awam telah meningkatkan penguatkuasaan dan pemeriksaan di Negeri Sembilan dan membawa kepada kejayaan menumpaskan sindiket perdagangan manusia di sempadan Malaysia-Indonesia. Penulisan beliau ini menunjukkan bahawa kerjasama di antara kerajaan dengan rakyat adalah penting dalam menangani ancaman keselamatan negara. Beliau juga mengetengahkan kaedah *Whole of Government* (WOG) dan *Whole of Society* (WOS) sebagai satu bentuk koordinasi di antara agensi kerajaan dan masyarakat dalam menyempurnakan kerangka keselamatan negara.

Ite⁴⁴ menekankan kepentingan pemerintah negara Nigeria melalui kerajaan dalam menangani isu kemiskinan rakyat dengan sikap amanah dan telus sehingga mampu menyumbang kepada kekayaan dan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan itu, ianya membentuk Model 3P yang melibatkan pihak kerajaan, swasta dan orang awam. Rajah Model 3P adalah seperti berikut:



Rajah 1: *Tripartite Model of National Security (3Ps Model / Model 3P)*.

Sumber: Dapatan Penulis dengan adaptasi idea daripada Park dan Chun,⁴⁵ Azizul⁴⁶ dan Ite.⁴⁷

Oleh itu, bagi mengenalpasti sejauhmana keberkesanan penglibatan MKN dalam menyelaraskan krisis/ancaman ketenteraman awam, penilaian akan dilaksanakan melalui pengaplikasian model ini. Pengukuran tahap penglibatan MKN akan dibuat berdasarkan kepada tiga (3) tahap iaitu Proaktif (mengambil tindakan/persediaan sebelum insiden berlaku), Reaktif (mengambil tindakan segera selepas insiden berlaku) atau Pasif (lambat mengambil tindakan). Manakala pengukuran bagi koordinasi MKN dengan agensi-agensi keselamatan yang lain adalah sama ada aktif, separa aktif atau tidak aktif dan pengukuran penyelarasan di antara MKN Pusat dengan MKN Negeri adalah berkesan, separa berkesan atau tidak berkesan.

Analisis Kajian Melalui Model 3P

Berdasarkan kepada Model 3P, peranan agensi kerajaan memang paling terserlah dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku. Sebagai contoh, kereta peronda polis sampai 10 minit setelah menerima panggilan bagi insiden Kuil Sri Maha Mariamman. Selain anggota polis, polis trafik, tentera, Rela dan FRU juga terlibat dengan menempatkan anggota dalam jumlah yang ramai dalam insiden Kampung Medan dan Kuil Sri Maha Mariamman. Penyelarasan MKN dalam dua insiden ini adalah melalui peranan MKN Selangor yang mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan agensi-agensi serta melalui program-program kesedaran kepada rakyat bagi meredakan rusuhan.

Bagi kedua-dua insiden ini, pihak swasta hanya terlihat dalam insiden kuil iaitu sebagai pemilik kuil, yang turut didakwa memanggil kumpulan gangster untuk melawan pihak lawan namun terdapat penafian dipihak pemilik kuil tersebut. Penglibatan rakyat dalam kedua-dua insiden ini adalah sebagai perusuh atau mangsa. Rakyat yang berisiko menjadi mangsa tidak berani untuk maju ke hadapan membantu disebabkan mereka yang merusuh memegang senjata yang berbahaya. Rakyat juga diminta untuk sebolehnya duduk di rumah sahaja dan tidak keluar bagi mengelakkan dcederakan oleh perusuh. Namun, rakyat bekerjasama dengan MKN Selangor dengan melibatkan diri dalam program, latihan dan kursus yang dianjurkan bagi tujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya dan akibat terlibat dengan rusuhan serta kaedah untuk menanganinya.

Analisis perkaitan di antara kerajaan, swasta dan orang awam bagi insiden Kampung Medan dan Kuil Sri Maha Mariamman dilihat mempunyai peranan masing-masing di mana dalam insiden kuil, swasta sebagai punca pencetus rusuhan berlaku (isu perpindahan kuil), orang awam sebagai orang yang merusuh dan agensi kerajaan sebagai badan yang berjaya mengawal dan menangani rusuhan. NGO juga terlibat sebagai penyokong pihak polis yang dikritik menyampaikan maklumat salah dan kurang efisien. Sedikit perbezaan dalam insiden Kampung Medan di mana tiada keterlibatan pihak swasta terlihat namun orang awam merupakan pencetus rusuhan akibat perselisihan kaum dalam majlis perkahwinan dan upacara pengebumian. Peranan kerajaan adalah sama seperti insiden kuil iaitu berjaya menyelesaikan rusuhan Kampung Medan. Peranan ahli politik juga terserlah dalam menentukan hala tuju krisis di mana dalam insiden Kampung Medan, ahli politik iaitu UMNO didakwa oleh persatuan India iaitu HINDRAF telah menindas kaum India. Dalam insiden kuil, ahli politik mencetuskan perbalahan di antara pihak kerajaan itu sendiri dan mengelirukan rakyat di mana turut mendatangkan persepsi negatif rakyat kepada kerajaan. Perkara ini mengeruhkan lagi situasi krisis yang berlaku.

Dalam rusuhan 13 Mei 1969, peranan kerajaan melalui MKN sangat terserlah apabila MKN sebagai MAGERAN ketika itu telah berjaya memulihkan keadaan dan boleh dikatakan berjaya menangani krisis/ancaman rusuhan kaum yang berlaku. Kewujudan MAGERAN seterusnya diperkasakan menjadi sebuah institusi yang bukan sahaja menangani krisis/ancaman ketenteraman awam malah isu-isu keselamatan yang lain. Peranan rakyat dalam insiden 13 Mei 1969 adalah sama seperti dalam insiden kuil dan Kampung Medan iaitu sebagai perusuh serta pihak swasta tidak

terserlah keterlibatannya. Peranan ahli politik pula adalah menjadi punca pencetus rusuhan kaum 13 Mei 1969 apabila mengutarakan sentimen-sentimen berbaur perkauman.

Berdasarkan analisis menggunakan Model 3P ini, penglibatan pelbagai pihak memperlihatkan bahawa insiden perbalahan kaum telah membawa kepada kewujudan satu institusi penyelarasan keselamatan iaitu MKN yang pada awalnya sebagai MAGERAN di mana fungsinya telah berkembang kepada bukan sahaja menangani ancaman perbalahan kaum tetapi juga ancaman-ancaman keselamatan lain yang wujud. Jelas terlihat bahawa isu perpaduan telah membawa perubahan besar kepada negara. Seterusnya, penglibatan MKN dilihat sebagai reaktif kerana hanya mengambil tindakan selepas ketiga-tiga insiden ini berlaku, namun tindakan diambil dengan segera.

Dari aspek koordinasi MKN dengan agensi keselamatan dan agensi yang lain dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam ini, MAGERAN berjaya menyelaraskan kerjasama di antara polis dan tentera di mana terlihat polis dan tentera bersama-sama berganding bahu dalam menangani rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 dan perbalahan dapat diselesaikan. Begitu juga selepas 30 tahun, penglibatan MKN aktif dalam menangani insiden Kampung Medan dan Kuil Sri Maha Mariamman dengan kerjasama antara agensi keselamatan yang lain seperti Polis, FRU, Rela dan tentera. Dari aspek penyelarasan MKN pusat dengan negeri, adalah separa berkesan apabila MKN berjaya menyelaraskan dengan MKN Selangor untuk tindakan menangani insiden Kampung Medan dan Kuil Sri Maha Mariamman namun terdapat permintaan oleh Kerajaan Tempatan untuk MKN lebih terlibat menanganinya, yang menunjukkan masih kurang penyelarasan dilaksanakan.

Dari aspek pengaruh politik domestik, Perdana Menteri Malaysia yang pertama memainkan peranan penting dengan mencadangkan penubuhan MAGERAN, yang kemudiannya berjaya memulihkan ketegangan kaum yang turut berpunca daripada ahli politik yang mengadakan kempen Pilihanraya Umum berbaur isu-isu sensitif seperti isu perkauman dan kemiskinan yang membangkitkan emosi rakyat pelbagai kaum. Ahli politik juga campurtangan dalam tindakan agensi keselamatan yang menangani insiden hingga menyebabkan campurtangan NGO dan kekeliruan rakyat yang mendatangkan persepsi negatif rakyat kepada kerajaan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini memperlihatkan bagaimana krisis/ancaman ketenteraman awam memberi kesan kepada negara dan rakyat, sehingga ianya menjadi agenda dan keutamaan negara. Dalam masa yang sama, hasil analisis juga mempamerkan bagaimana MKN sebagai sebuah institusi utama penyelarasan keselamatan negara mampu menanganinya serta mengkoordinasikan agensi-agensi keselamatan dan MKN Negeri. Kejadian-kejadian krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku telah mengakibatkan kehilangan nyawa rakyat termasuk nyawa anggota keselamatan serta kemusnahan harta benda.

Jika diperhatikan, krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku di Malaysia sudah tentu mendatangkan kesan negatif kepada negara namun ianya juga membawa kepada perubahan positif. Kesan negatif adalah apabila keadaan negara menjadi huru hara, keselamatan rakyat terjejas dan nyawa terkorban, kemusnahan harta benda, ekonomi tersekat semasa krisis, perselisihan politik dan gangguan mental rakyat. Namun, disebabkan perkara negatif yang berlaku inilah, negara melakukan perubahan untuk memperbaiki keadaan seperti pewujudan institusi keselamatan, penubuhan jawatankuasa khas penyiasatan, pemerkasaan anggota penguatkuasa, penambahbaikan sistem pendidikan, penggubalan dasar dan penglibatan rakyat untuk menangani rusuhan.

Krisis/ancaman ketenteraman awam ini juga banyak mengubah perspektif kerajaan mahupun rakyat. Dari perspektif kerajaan, krisis melibatkan perbalahan kaum walaupun jika dilihat ianya hanya melibatkan perselisihan fahaman di antara bangsa berlainan namun ianya tidak boleh dipandang

ringan kerana merupakan satu isu sensitif yang membawa kepada pertumpahan darah. Oleh itu, ianya telah mengubah pandangan kerajaan untuk mengambilkira daripada isu yang dilihat kecil sebagai isu yang perlu dititikberatkan dan digariskan sebagai sebuah krisis/ancaman yang perlu diambil langkah berjaga-jaga dan persediaan melalui penggubalan perundangan dan strategi yang kukuh. Dari persepsi rakyat pula, sentimen melibatkan kaum ini mendatangkan kesangsian yang berpanjangan dalam jiwa rakyat di mana walaupun rusuhan kaum telah berjaya ditangani tetapi sedikit sebanyak ianya masih tercalit di sesetengah jiwa rakyat masa kini yang masih berbaur perkauman. Namun, program kesedaran yang dianjurkan oleh MKN sedikit sebanyak membantu memberikan kesedaran kepada rakyat akan pentingnya perpaduan kaum dan bahayanya terlibat dalam rusuhan.

Perkaitan persepsi di antara kerajaan dengan rakyat pula adalah kerajaan perlu konsisten dalam menentukan sesuatu keputusan ataupun tindakan kerana sebarang keputusan yang dijanjikan tetapi tidak terlaksana, akan mendatangkan persepsi negatif rakyat kepada kerajaan. Lebih-lebih lagi apabila rakyat sudah mula mahu bekerjasama dengan kerajaan. Kepercayaan rakyat amat penting kerana hala tuju negara ditentukan oleh semua pihak, bukan sahaja kerajaan.

Disebabkan itu, kerjasama di antara kerajaan dengan kerajaan dan kerajaan dengan orang awam mahupun swasta amatlah penting bagi menangani krisis/ancaman ketenteraman awam. MKN sebagai agensi penyelarasan utama keselamatan negara sepatutnya menjadi agensi yang tepat bagi menangani krisis/ancaman ketenteraman awam ini di mana penubuhannya juga diasaskan dari kewujudan krisis/ancaman ini. Walau bagaimanapun, disebabkan terdapat tuntutan untuk MKN lebih terlibat dalam menangani insiden rusuhan kaum, maka MKN perlu lebih melibatkan diri dengan aktif bagi mendapatkan kepercayaan rakyat, mahupun pihak kerajaan sendiri.

Dari aspek keberkesanan penglibatan MKN dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam, MKN dilihat telah bekerjasama dengan anggota-anggota keselamatan lain seperti anggota polis, polis trafik, tentera, Rela dan FRU bagi menyelesaikan insiden-insiden yang berlaku melalui penyelarasan mesyuarat, di mana hampir semua insiden telah berjaya diselesaikan. MKN juga mengadakan program kesedaran mengenai bahaya krisis/ancaman ketenteraman awam kepada rakyat dimana terlihat bahawa rakyat menyokong inisiatif kerajaan ini. Namun wujud ketidakpercayaan sesetengah rakyat kepada kerajaan disebabkan terdapat campurtangan politik yang mengeruhkan keadaan. Kerjasama antara MKN Pusat dan Negeri juga terselaras walaupun terdapat sedikit perspektif ianya tidak sepenuhnya namun terbukti berkesan apabila insiden berjaya ditangani.

Oleh itu, dirumuskan bahawa penglibatan MKN adalah “reaktif” dalam memainkan peranannya menangani isu ketenteraman awam pada awal penubuhannya tahun 1971 semasa berlaku rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, insiden rusuhan kaum Kampung Medan pada tahun 2001 dan insiden pergaduhan kaum Kuil Sri Maha Mariamman pada tahun 2018. Koordinasi MKN dengan agensi-agensi keselamatan yang lain adalah “aktif” pada ketiga-tiga insiden ini di mana terdapat penyelarasan mesyuarat dan pewujudan jawatankuasa namun penyelarasan dengan MKN Negeri dinilai sebagai “separa berkesan” kerana walaupun terdapat penyelarasan yang baik dan penubuhan jawatankuasa jua, namun terdapat permintaan daripada Kerajaan Tempatan untuk MKN lebih terlibat.

Hakikatnya, tidak begitu banyak krisis/ancaman ketenteraman awam yang berlaku di Malaysia dan MKN telah melaksanakan peranannya untuk mengkoordinasi agensi-agensi keselamatan dengan baik. MKN Pusat juga sentiasa memaklumkan kepada MKN Negeri mengenai peranan negeri dalam menangani krisis/ancaman ketenteraman awam.

Analisis melalui Model 3P dengan meneroka penglibatan dan perkaitan di antara kerajaan, swasta dan awam menyerlahkan bahawa ianya mampu merungkai tahap keberkesanan penglibatan MKN dalam menyelaraskan isu-isu keselamatan negara serta dalam mengkoordinasikan agensi-agensi keselamatan dan negeri. Amatlah penting untuk MKN memastikan strategi dan pendekatan yang diambil adalah efektif bagi memastikan kedudukannya sebagai agensi penyelarasan utama keselamatan

negara yang relevan, berkesan dan dipercayai. Hasil kajian yang menunjukkan kelemahan dan kekurangan MKN juga boleh dipertimbangkan untuk penambahbaikan.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* (Jebat) yang membantu penerbitan artikel ini. Penghargaan juga kepada pengurusan tertinggi dan pegawai kanan serta mantan daripada MKN, yang sudi ditemu bual.

Nota

¹ Majlis Keselamatan Negara, *Bahagian Perisikan dan Pengurusan Krisis Negara (BPPKN)*, 2021, Accessed September 28, 2023.

² Greg Austin, "The strategic implications of China's public order crisis," *Survival: Global Politics and Strategy* 37, no. 2, 1995, hlm. 7-23.

³ Sylvanus I. Ebohon & Emmanuel U. B. Ifeadi, "Managing the Problems of Public Order and Internal Security in Nigeria," *African Security* 5, no. 1, 2012, hlm. 1-23.

⁴ Ian Warren & Roy Hay, "Fencing them in: the A-League, policing and the dilemma of public order," *Soccer & Society* 10, no. 1, 2009, hlm. 124-141.

⁵ Robin Handley, "Public order, petitioning and freedom of assembly," *The Journal of Legal History* 7, no. 2, 1986, hlm. 123-155.

⁶ Cody Warner & John D. McCarthy, "Whatever can go wrong will: situational complexity and public order policing," *Policing and Society* 24, no. 5, 2014, hlm. 566-587.

⁷ Mike King, "Policing and public order issues in Canada: Trends for change," *Policing and Society: An International Journal of Research and Policy* 8, no. 1, 1997, hlm. 47-76.

⁸ Rim-Sarah Alouane, "Freedom of Religion and The Transformation of Public Order in France," *The Review of Faith & International Affairs* 13, no. 1, 2015, hlm. 31-38.

⁹ Michael Wahid Hanna, "Public Order and Egypt's Statist Tradition," *The Review of Faith & International Affairs* 13, no. 1, 2015, hlm. 23-30.

¹⁰ Gaëlle Rivard Piche, "Security sector reform in Haiti since 2004: limits and prospects for public order and stability," *Canadian Foreign Policy Journal* 23, No. 3, 2017, hlm. 292-306.

¹¹ Jawapan kepada pertanyaan bukan jawab lisan Dewan Rakyat oleh Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, rujukan 7313, nombor soalan 462.

¹² Laman Rasmi MyGovernment. "Aduan Siasatan Jenayah Indeks." Accessed July 23, 2023. <https://www.malaysia.gov.my/portal/index>.

¹³ Temubual dengan Rodzi Md Saad, Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara, Putrajaya, 14 Julai 2022.

¹⁴ Temubual dengan Hamzah Bin Ishak, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara, Putrajaya, 18 Julai 2022.

¹⁵ Nor Azlah Sham Bt Rambely & Rashidah Mamat, "Tragedi 13 Mei 1969: Satu Laporan Bersumberkan Rekod Foreign and Commonwealth Office," *Journal of Law, Government and Communication* 2, no. 6, 2017, hlm. 139-154.

¹⁶ Madiha Abdullah, 24 Oktober 2020, "Enam darurat yang pernah diisytiharkan di Malaysia," *Astro Awani*. Accessed July 24, 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-darurat-yang-pernah-diisytiharkan-di-malaysia-265115>

- ¹⁷ Ishak Saat, "Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963–1976," *Jurnal Perspektif* 6, no. 3, 2014, hlm. 122-137.
- ¹⁸ Laman Rasmi PDRM, "Peristiwa 13 Mei," Accessed July 25, 2023. <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/peristiwa-13-mei>.
- ¹⁹ Nurulhuda. 16 Disember 2021, "Tragedi 13 Mei 1969 dibukukan, papat atur gerak pasukan keselamatan," *Air Times*. Accessed July 26, 2023, <https://www.airtimes.my/2021/12/16/tragedi-13-mei-1969-dibukukan-paparatur-gerak-pasukan-keselamatan/>.
- ²⁰ Suraya binti Wen, "Kajian Mengenalpasti Isu Dan Punca Konflik Yang Mempengaruhi Tahap Keharmonian Masyarakat di Malaysia Bagi Tahun 2011 Dan 2012," (*Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia*), 2014.
- ²¹ Hamidi Ismail & Kalthum Hassan & Mohd Nizar Zakaria, "Kesederhanaan Ke Arah Perpaduan Kaum di Malaysia," *Journal of Techno-Social* 8, no. 2, Januari 2016.
- ²² Shaharuddin Badaruddin & Azman Ayob & Mazlan Che Soh, "Belia Dan 1malaysia: Antara Cabaran Dan Harapan," *Malaysian Journal of Youth Studies* 2, No. 1, 2010, hlm. 52-75.
- ²³ Lee Ban Chen. 15 Mac 2001, "Taman Medan: Angka khabar angin?" *Malaysia Kini*, Accessed July 27, 2023. <https://www.malaysiakini.com/columns/6775>.
- ²⁴ Ein Azmi. 31 Julai 2001, "Kg Medan: dakwaan wakil DAP tidak benar," *Malaysia Kini*. Accessed July 28, 2023. <https://m.malaysiakini.com/news/4111>.
- ²⁵ Temubual dengan Kamal Bin Hussin, mantan Pengarah MKN Negeri Selangor, melalui telefon bimbit, 15 Julai 2022.
- ²⁶ Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam, "Sensitiviti Agama Dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum Di Malaysia," *Proceeding of International Conference on Empowering Islamic Civilization*, 7-8 Oktober 2017.
- ²⁷ Aszlan Selamat & Mohamad Iszuan bin Safarudin, "Penilaian Faktor-Faktor Kesenjangan Etnik Di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional," *Jurnal Kinabalu* 19, 2017.
- ²⁸ Mansor Mohd. Noor, "Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara," *Jurnal Demokrasi* 9, no. 2, 2010.
- ²⁹ Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin, "Uruf Majmuk: Konsep Dan Amalannya Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia," *Jurnal Fiqh* 8, 2011, hlm. 45-64.
- ³⁰ Sabariah Mohamed Salleh & Emma Mohamad & Abdul Latiff Ahmad & Nazra Aliff Nazri, "Iklan Tahun Baru Cina Petronas: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Identiti Budaya Kaum Cina," *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31, no. 2 2015, hlm. 569-584.
- ³¹ Suraya Sintang & Budi Anto Mohd. Tamring & Nur Farhana Abdul Rahman & Siti Aidah Hj. Lukin & Halina Sendera Mohd. Yakin, "Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah," *Borneo International Journal* 2, no. 1, 2019, hlm. 5-15.
- ³² Malaysia Kini, 2018, "Apa sebenarnya berlaku? Ikuti penjelasan Menteri," November 29. Accessed July 29, 2023. <https://www.malaysiakini.com/news/453904>.
- ³³ Faris Fuad, 9 Oktober 2021. "Kematian Muhammad Adib terbela," *BH Online*. Accessed July 30, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874374/kematian-muhammad-adib-terbela>.
- ³⁴ Astro Awani, 2018, "6 berita penting mengenai rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman," November 27. Accessed August 1, 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/6-berita-penting-mengenai-rusuhan-kuil-sri-maha-mariamman-192208>
- ³⁵ Andy Montes Luna, 27 November 2018. *Buletin TV3*. Accessed August 2, 2023. https://www.facebook.com/BuletinTV3Official/photos/a.132008053481051/2504920976189735/?type=3&_rdr.
- ³⁶ Temubual dengan Kamal Bin Hussin, mantan Pengarah MKN Negeri Selangor, melalui telefon bimbit, 15 Julai 2022.
- ³⁷ Mohd Husni Mohd Noor, 27 November 2018. "Rusuhan kuil Sri Maha Mariamman bukan isu perkauman - PM," *BH Online*. Accessed August 3, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/502708/rusuhan-kuil-sri-maha-mariamman-bukan-isu-perkauman-pm>.

- ³⁸ Ahmad Suhael Adnan, 26 November 2018, "Rusuhan kuil: Waytha Moorthy salahkan polis," *My Metro*. Accessed August 4, 2023. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/11/398534/rusuhan-kuil-waytha-moorthy-salahkan-polis>.
- ³⁹ Park, J. & Chung, E., "Learning from past pandemic governance: Early response and Public-Private Partnerships in testing of COVID-19 in South Korea," *World Development* 137, 2021, hlm. 105-198.
- ⁴⁰ Mohd Azizul Hakim Bin Zaini, "Keberkesanan Koordinasi Agensi Kerajaan dan Isu Pemerdagangan Orang: Kajian Empirik Organisasi Jenayah Terancang Dalam Industri Eksploitasi Seksual," (*Master dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia*), 2020.
- ⁴¹ E. Ite, U., "Multinationals and corporate social responsibility in developing countries: a case study of Nigeria," *Corporate Social Responsibility and Environmental Management* 11, no. 1, 2004, hlm. 1-11.
- ⁴² Park, J. & Chung, E., "Learning from past pandemic governance: Early response and Public-Private Partnerships in testing of COVID-19 in South Korea," *World Development* 137, 2021, hlm. 105-198.
- ⁴³ Mohd Azizul Hakim Bin Zaini, "Keberkesanan Koordinasi Agensi Kerajaan dan Isu Pemerdagangan Orang: Kajian Empirik Organisasi Jenayah Terancang Dalam Industri Eksploitasi Seksual," (*Master dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia*), 2020.
- ⁴⁴ E. Ite, U., "Multinationals and corporate social responsibility in developing countries: a case study of Nigeria," *Corporate Social Responsibility and Environmental Management* 11, no. 1, 2004, hlm. 1-11.
- ⁴⁵ Park, J. & Chung, E., "Learning from past pandemic governance: Early response and Public-Private Partnerships in testing of COVID-19 in South Korea," *World Development* 137, 2021, hlm. 105-198.
- ⁴⁶ Mohd Azizul Hakim Bin Zaini, "Keberkesanan Koordinasi Agensi Kerajaan dan Isu Pemerdagangan Orang: Kajian Empirik Organisasi Jenayah Terancang Dalam Industri Eksploitasi Seksual," (*Master dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia*), 2020.
- ⁴⁷ E. Ite, U., "Multinationals and corporate social responsibility in developing countries: a case study of Nigeria," *Corporate Social Responsibility and Environmental Management* 11, no. 1, 2004, hlm. 1-11.

Rujukan

- Ahmad Suhael Adnan. 26 November 2018. "Rusuhan kuil: Waytha Moorthy salahkan polis," *My Metro*. Accessed August 4, 2023. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/11/398534/rusuhan-kuil-waytha-moorthy-salahkan-polis>.
- Alouane, R-S. 2015. "Freedom of Religion and The Transformation of Public Order in France," *The Review of Faith & International Affairs* 13, no. 1: 31-38.
- Andy Montes Luna. 27 November 2018. *Buletin TV3*. Accessed August 2, 2023. https://www.facebook.com/BuletinTV3Official/photos/a.132008053481051/2504920976189735/?type=3&_rdr.
- Astro Awani. 2018. "6 berita penting mengenai rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman," November 27. Accessed August 1, 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/6-berita-penting-mengenai-rusuhan-kuil-sri-maha-mariamman-192208>.
- Aszlan Selamat & Mohamad Iszuan bin Safarudin. 2017. "Penilaian Faktor-Faktor Kesenjangan Etnik Di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional," *Jurnal Kinabalu* 19.
- Austin, G. 1995. "The strategic implications of China's public order crisis," *Survival: Global Politics and Strategy* 37, no. 2: 7-23.
- Ebohon, S. I. & Ifeadi, E. U. B. 2012. "Managing the Problems of Public Order and Internal Security in Nigeria," *African Security* 5, no. 1: 1-23.
- Ein Azmi. 31 Julai 2001. "Kg Medan: dakwaan wakil DAP tidak benar," *Malaysia Kini*. Accessed July 28, 2023. <https://m.malaysiakini.com/news/4111>.

- E. Ite, U. 2004. "Multinationals and corporate social responsibility in developing countries: a case study of Nigeria," *Corporate Social Responsibility and Environmental Management* 11, no. 1: 1-11.
- Faris Fuad. 9 Oktober 2021. "Kematian Muhammad Adib terbela," *BH Online*. Accessed July 30, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/874374/kematian-muhammad-adib-terbela>.
- Hamidi Ismail & Kalthum Hassan & Mohd Nizar Zakaria. Januari 2016. "Kesederhanaan Ke Arah Perpaduan Kaum di Malaysia," *Journal of Techno-Social* 8, no. 2.
- Handley, R. 1986. "Public order, petitioning and freedom of assembly." *The Journal of Legal History* 7, no. 2: 123-155.
- Hanna, M. W. 2015. "Public Order and Egypt's Statist Tradition." *The Review of Faith & International Affairs* 13, no. 1: 23-30.
- Ishak Saat. 2014. "Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963–1976." *Jurnal Perspektif* 6, no. 3: 122-137.
- Jawapan kepada pertanyaan bukan jawab lisan Dewan Rakyat oleh Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, rujukan 7313, nombor soalan 462.
- Kenyataan Media Statistik Jenayah. Malaysia 2021. 2021. "Keselamatan awam semakin baik dengan penurunan kes jenayah 21.4 peratus namun jenayah siber meningkat 99.5 peratus pada 2020 berbanding 2019." https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf.
- King, M. 1997. "Policing and public order issues in Canada: Trends for change," *Policing and Society: An International Journal of Research and Policy* 8, no. 1: 47-76.
- Laman Rasmi MyGovernment. "Aduan Siasatan Jenayah Indeks". Accessed July 23, 2023. <https://www.malaysia.gov.my/portal/index>.
- Laman Rasmi PDRM. "Peristiwa 13 Mei." Accessed July 25, 2023. <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/peristiwa-13-mei>.
- Lee, Ban Chen. 15 Mac 2001. "Taman Medan: Angkara khabar angin?" *Malaysia Kini*. Accessed July 27, 2023. <https://www.malaysiakini.com/columns/6775>.
- Madiha Abdullah. 24 Oktober 2020. "Enam darurat yang pernah diisytiharkan di Malaysia." *Astro Awani*. Accessed July 24, 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-darurat-yang-pernah-diisytiharkan-di-malaysia-265115>.
- Majlis Keselamatan Negara. 2021. *Bahagian Perisikan dan Pengurusan Krisis Negara (BPPKN)*. Accessed September 28, 2023.
- Malaysia Kini. 2018. "Apa sebenarnya berlaku? Ikuti penjelasan Menteri," November 29. Accessed July 29, 2023. <https://www.malaysiakini.com/news/453904>.
- Mansor Mohd. Noor. 2010. "Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara," *Jurnal Demokrasi* 9, no. 2.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. 2011. "Uruf Majmuk: Konsep Dan Amalannya Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia." *Jurnal Fiqh* 8: 45-64.
- Mohd Azizul Hakim Bin Zaini. 2020. "Kebekerkesanan Koordinasi Agensi Kerajaan dan Isu Permerdagangan Orang: Kajian Empirik Organisasi Jenayah Terancang Dalam Industri Eksploitasi Seksual." *Master dissertation*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Husni Mohd Noor. 27 November 2018. "Rusuhan kuil Sri Maha Mariamman bukan isu perkauman-PM," *BH Online*. Accessed August 3, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/502708/rusuhan-kuil-sri-maha-mariamman-bukan-isu-perkauman-pm>.

- Nor Azlah Sham Bt Rambely & Rashidah Mamat. 2017. "Tragedi 13 Mei 1969: Satu Laporan Bersumberkan Rekod Foreign and Commonwealth Office," *Journal of Law, Government and Communication* 2, no. 6: 139-154.
- Nurulhuda. 16 Disember 2021. "Tragedi 13 Mei 1969 dibukukan, papar atur gerak pasukan keselamatan," *Air Times*. Accessed July 26, 2023. <https://www.airtimes.my/2021/12/16/tragedi-13-mei-1969-dibukukan-papar-atu-gerak-pasukan-keselamatan/>.
- Park, J. & Chung, E. 2021. "Learning from past pandemic governance: Early response and Public-Private Partnerships in testing of COVID-19 in South Korea," *World Development* 137: 105-198.
- Piche, G. R. 2017. "Security sector reform in Haiti since 2004: limits and prospects for public order and stability," *Canadian Foreign Policy Journal* 23, no. 3: 292-306.
- Sabariah Mohamed Salleh & Emma Mohamad & Abdul Latiff Ahmad & Nazra Aliff Nazri. 2015. "Iklan Tahun Baru Cina Petronas: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Identiti Budaya Kaum Cina," *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31, no. 2: 569-584.
- Shaharuddin Badaruddin & Azman Ayob & Mazlan Che Soh. 2010. "Belia Dan 1malaysia: Antara Cabaran Dan Harapan," *Malaysian Journal of Youth Studies* 2, no. 1: 52-75.
- Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam. 7-8 Oktober 2017. "Sensitiviti Agama Dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum Di Malaysia," *Proceeding of International Conference on Empowering Islamic Civilization*.
- Suraya Binti Wen. 2014. "Kajian Mengenalpasti Isu Dan Punca Konflik Yang Mempengaruhi Tahap Keharmonian Masyarakat di Malaysia Bagi Tahun 2011 Dan 2012," (*Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia*).
- Suraya Sintang & Budi Anto Mohd. Tamring & Nur Farhana Abdul Rahman & Siti Aidah Hj. Lukin & Halina Sendera Mohd. Yakin. 2019. "Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah," *Borneo International Journal* 2, no. 1: 5-15.
- Temubual dengan Hamzah Bin Ishak. Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara. Putrajaya, 18 Julai 2022.
- Temubual dengan Kamal Bin Hussin, mantan Pengarah MKN Negeri Selangor, melalui telefon bimbit, 15 Julai 2022.
- Temubual dengan Rodzi Md Saad. Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara, Putrajaya. 14 Julai 2022.
- Warner, C. & McCarthy, John D. 2014. "Whatever can go wrong will: situational complexity and public order policing," *Policing and Society* 24, no. 5: 566-587.
- Warren, I. & Hay, R. 2009. "Fencing them in: the A-League, policing and the dilemma of public order," *Soccer & Society* 10, no. 1: 124-141.